

Laksana peperiksaan dalam bahasa

UM 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keputusan kerajaan melaksanakan peperiksaan di sekolah rendah dan menengah bagi mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan bukan langkah dan keputusan tergesa-gesa.

Sebaliknya tegas Perdana Menteri, keputusan itu dibuat kerana orang Melayu sebenarnya tidak ada masa lagi terutama dalam

kepantasan arus perubahan teknologi yang melanda dunia ketika ini.

Beliau bagaimanapun mengakui dalam proses mencapai kejayaan peperiksaan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris itu, sudah tentu akan timbul masalah pada peringkat awal pelaksanaannya.

Dalam hubungan ini tegasnya, orang Melayu perlu menerima hakikat kesukaran itu apabila sesuatu pelaksanaan dasar dan pendekatan baru diperkenalkan.

“Kita tidak ada masa sebab sekarang ini dunia berjalan lebih pantas dan teknologi bergerak begitu cepat sekali. Barang yang dikeluarkan hari ini sudah ketinggalan esoknya.

“Kalau kita dok fikir zaman purba yang mana kita punya perubahan mengambil masa 10 hingga 100 tahun, maka kita akan jadi malas. Kalau kita tak pandai atasi masalah, maka kita tidak layak menjadi pemerintah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada

Inggeris bukan langkah tergesa-gesa

pemberita selepas majlis Taklimat Presiden UMNO kepada 2,033 perwakilan sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri mengulas laporan eksklusif *Utusan Malaysia* hari ini berhubung keputusan kerajaan untuk melaksanakan ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan peperiksaan Sijil Pelajaran Ma-

laysia (SPM) bagi Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Bagaimanapun, untuk peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ia masih di peringkat kajian Kementerian Pendidikan.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, langkah itu dibuat ekoran pelaksanaan serentak Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan.

Dalam pada itu, mengulas tindakan pembangkang mempertikaikan langkah kerajaan melaksanakan pendekatan baru dalam sistem pendidikan negara, Dr. Mahathir berkata, itu adalah cara mereka yang kehabisan modal.

Menurut beliau, pembangkang sebenarnya tidak senang dengan setiap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat.

“Apa sahaja yang kita buat, dia kata tidak baik tapi dia tak buat apa-apa pun,” tegasnya.